

Kerajaan tunai janji

400 unit rumah teres mula dibina, realisasi impian bekas pekerja ladang

DENGKIL - Kerja-kerja pembinaan 400 unit rumah teres satu tingkat di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) sudah mula dibina sejak seminggu lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri S Subramaniam berkata, kerja-kerja pembinaan rumah dijangka siap pada 2019 sekali gus merealisasikan impian bekas pekerja ladang yang juga penduduk di Flat Taman Permata, Dengkil yang sebelum ini berdepan dengan masalah kerosakan rumah.

Menurutnya, projek pembinaan rumah teres berkenaan sebelum ini berdepan dengan pelbagai isu termasuk masalah pengambilan tanah namun berjaya diselesaikan.

"Saya gembira apabila Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT),

INFO
RM60 juta

• Kos pembinaan dianggarkan sebanyak

Tan Sri Noh Omar menjadikan projek ini sebagai keutamaan memandangkan penantian bekas pekerja ladang sudah terlalu lama.

"Rumah yang ditetapkan adalah 400 unit dengan kos pembinaan sebanyak RM60 juta," katanya.

Beliau berkata demikian sempena lawatan kerjanya ke tapak projek itu di Ampar Tenang, Dengkil semalam.

Mengulas mengenai isu pemilikan rumah yang bakal timbul, perkara itu bakal dibincangkan dalam mesyuarat di KPKT, bagaimanapun, ke-



Subramaniam melihat plan pembinaan 400 unit rumah teres satu tingkat untuk bekas pekerja ladang.

utamaan masih diberikan kepada bekas pekerja ladang.

Sementara itu, Pengerusi Pembangunan Persekutuan Parlimen Sepang, Datuk

Marsum Paing berkata, beliau berharap usaha pekerja ladang memperjuangkan hak mereka mendapat pembelaan daripada kerajaan.

"Bagaimanapun saya harap pemaju dapat tingkatkan kemudahan persekitaran termasuk pelebaran jalan masuk sedia ada," katanya.

Sebelum ini, pembinaan PPR Dengkil itu adalah sebagai menunaikan janji yang telah dibuat kepada pekerja ladang yang terpaksa berpindah ke Taman Permata, Dengkil berikutan pembinaan pusat pentadbiran persekutuan Putrajaya lebih 20 tahun lalu.

Penduduk Flat Taman Permata merupakan bekas pekerja di Ladang Prang Besar (nama lama Putrajaya), Medingly, Galloway dan Sedgley yang ditutup berikutan pembinaan Putrajaya.

Bagaimanapun, baru-baru ini flat tersebut disahkan tidak selamat diduduki berikutan berlakunya mendapan dan keretakan akibat tanah lembap.

Keadaan itu menyebabkan penduduk terpaksa mencari tempat tinggal lain yang lebih selamat.

